

# Kedudukan kewangan Malaysia kukuh: PM

BH - 21/12/2006

## Pelabur dijangka ke negara ini selepas Thailand buat kawalan modal

Daripada Norhayati Mohd Said  
di Caracas

**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, rakyat tidak seharusnya bimbang dengan tindakan Thailand melaksanakan dasar kawalan modal kerana kedudukan kewangan Malaysia kukuh berikutan langkah liberalisasi kerajaan untuk memantapkan ringgit sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan mengambil tindakan sama kerana langkah negara itu sebenarnya memberi kekuatan kepada kedudukan kewangan Malaysia.

"Rakyat Malaysia jangan berasa terlalu takut. Insyallah keadaan akan dipulihkan," katanya kepada wartawan Malaysia di sini pada akhir lawatan tiga harinya ke Venezuela, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai tindakan Thailand melaksanakan dasar kawalan modal bagi membendung kenaikan berte-

rusan baht serta menyekat spekulasi dalam mata wang itu.

Malaysia sebelum ini pernah mengenakan satu siri kawalan modal pada September 1998 apabila nilai ringgit jatuh teruk berbanding dolar Amerika Syarikat kesan daripada krisis kewangan serantau berikutan baht diserang spekulator mata wang.

Kawalan modal itu akhirnya mewujudkan kestabilan kepada pasaran mata wang dan memulihkan ekonomi negara. Malaysia sejak itu menghapuskan hampir semua kawalan modal, termasuk menghapuskan tambatan ringgit RM3.80 berbanding dolar Amerika Julai tahun lalu.

Mengenai tindakan selanjutnya, Abdullah berkata, semua akan berjalan seperti biasa kerana kerajaan yakin dengan kedudukan kewangan, mata wang dan pasaran Malaysia yang menunjukkan asas kukuh.

Beliau berkata, walaupun harga barang biasanya lebih murah jika nilai mata wang turun yang penting

orang akan mengimport barang berkualiti dengan harga berpatutan.

"Sebab itu kedudukan perdagangan kita pada peringkat antarabangsa lebih baik dan Insyallah terus bertambah baik," katanya.

Ditanya sama ada pelabur memasuki pasaran saham Malaysia selepas ini, beliau berkata, kerajaan sentiasa mengharapkan pelabur datang ke Malaysia termasuk membeli saham.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata dari segi logiknya, jika pelabur keluar dari Bursa Thailand, mereka akan mencari peluang di bursa saham lain.

"Jadi kemungkinan besar jika mereka (pelabur) buat kajian pasaran saham kita, mereka akan terdorong untuk melabur dalam pasaran saham Malaysia," katanya.

Beliau juga berkata, Malaysia tidak akan mengalami sebarang masalah, malah pelabur asing tahu bahawa ringgit akan turun naik tetapi

dalam kadar kecil.

"Jadi mereka boleh buat perancangan jangka panjang. Mereka tahu ringgit kita tidak akan menjunam atau naik mendadak," katanya.

Mengenai perdagangan Malaysia-Thailand, beliau berkata, perdagangan tidak akan terjejas dan berjalan seperti biasa, tetapi kerajaan akan terus membuat pemantauan.

Sementara itu, di Kuala Lumpur, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kesan kawalan modal Bank of Thailand (BoT) kelmarin tidak merebak ke Malaysia.

"Kami memantau situasi itu. Kerajaan Thailand sudah mengambil langkah pembetulan. Saya diberitahu, menjelang tengah hari ini (semalam), pasaran saham di Bursa Malaysia kembali pulih," katanya selepas Penyerahan Wang Zakat Eoncap Islamic Bank dan melancarkan Skim Pembiayaan Peribadi Pesara (Skim 3P) di Kementerian Pertahanan, di sini, semalam.